



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



# **BERITA**

24 JAM

# **KPDN**

## **KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE**

*Untuk makluman:*

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 18 JULAI 2024**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## Penyeludup lari lintang-pukang tinggalkan gula dalam kereta

**TUMPAT:** Dua penyeludup lari lintang-pukang meninggalkan 774 kilogram (kg) gula selepas kereta yang dipandu mereka ditahan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan.

Serbuan pukul 8.30 malam itu dilakukan di sekitar pangkalan haram dekat Kampung Simpangan yang membawa kepada rampasan barangan kawalan bersubsidi termasuk kereta dianggarkan berjumlah RM16,120.40.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, semasa serbuan dilakukan, penyeludup tersebut bertindak melarikan diri dengan meninggalkan kereta jenis Proton Wira Aeroback.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut membawa kepada penemuan 432 kg gula pasir kasar.

"Serbuan kedua pada waktu sama di lokasi berdekatan, KPDN Kelantan menjumpai sebuah Proton Wira Aeroback.

"Bagaimanapun, suspek bertindak melarikan diri dan pemeriksaan membawa kepada penemuan 312 kg gula pasir," katanya ketika dihubungi.

Azman memberitahu, terdahulu pihaknya menahan seorang lelaki berusia 20-an dalam



**KPDN Kelantan mematahkan cubaan menyeludup gula dalam serbuan di kawasan pangkalan haram di Kampung Simpangan, Tumpat, Kelantan, kelmarin.**

serbuan di sebuah stesen minyak di Kepulauan Palekbang yang membawa kepada rampasan 100 liter petrol.

Katanya, serbuan bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Chepa itu membawa kepada pe-

nemuan tangki tambahan yang telah diubah suai pada kereta Proton Iswara untuk tujuan penyeludupan.

KPDN serbu restoran manipulasi harga makanan, kenakan harga mahal

## Sambal belacan nasi bungkus RM3

Oleh DIYANATUL ATIQA ZAKARYA

**MELAKA** – Dulu sambal belacan percuma sekarang letak dalam bekas kecil kena caj RM3.

Itulah aduan yang sering diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka mengenai penipuan dan taktik premis makanan yang sengaja mengenakan caj mahal kepada pelanggan.

Difahamkan KPDN Melaka telah menerima lebih 90 aduan mengenai harga makanan mahal sejak awal tahun ini.

Antara caj mahal yang sering diadu kepada KPDN adalah sambal belacan mencecah RM3, ayam goreng seketul RM8.50, caj pembungkusan makanan 70 sen dan mi goreng kosong semahal RM7.

Pengarah KPDN negeri, Norena Jaafar berkata, pemeriksaan telah dilakukan di beberapa premis terlibat dan terdapat pemilik yang tidak mengemas kini harga baharu serta memaparkannya dengan jelas.

"Pada tahun lalu, kita menerima 77 aduan dan sebanyak 12 daripadanya telah bersabit kesalahan tidak memaparkan tanda dan selebihnya adalah ad-



**NORENA**

uan berkaitan meletakkan tanda harga lama serta mengelirukan.

"Tahun ini dalam tempoh enam bulan sahaja, kita terima lebih 90 aduan harga barang dan makanan mahal di restoran, warung serta food truck. Pemeriksaan mendapati ada premis melakukan kesalahan tidak mempamerkan tanda harga serta gagal kemukakan resit," katanya kepada *Kosmo!*.

Tambahnya, antara alasan diberikan pemilik premis adalah tersilap kira, harga barangan makanan naik secara tiba-tiba pada



**ANGGOTA** penguat kuasa menyoal pemilik premis mengenai aduan yang diterima berhubung harga makanan di sebuah kedai di Melaka baru-baru ini.

musim perayaan, terlupa untuk menukar harga baharu dan cuba meletakkan kesalahan kepada

pembantu kedai warga asing.

"Ada juga kes salah kira bahagian ekor bawal dicaj RM15 tetapi

harga sebenar RM8, bila kena dibuat aduan mereka kata silap, itu semua alasan," ujarnya.

## Kilang pemprosesan makanan seleweng 4,850 liter diesel

**IPOH** – Sebanyak 4,850 liter minyak diesel yang diseleweng ditemui di sebuah kilang pemprosesan makanan di Kawasan Perindustrian Menglembu di sini, oleh sepasukan anggota dan pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KDPN) Perak kelmarin.

Pengarahnya, Datuk Kamalludin Ismail berkata, kejayaan operasi itu adalah hasil maklumat orang awam dan risikan yang dijalankan oleh pasukan perisikan KPDN Perak selama dua minggu di sekitar Ipoh.

Beliau berkata, risikan dan

pemantauan terhadap kilang itu mendapati modus operandi penyelewengan minyak diesel itu adalah dengan menggunakan sebuah lori tangki pemborong yang menghantar barang tersebut ke premis berkenaan.

"Premis tersebut disyaki tidak mempunyai kebenaran menyimpan barang kawalan oleh Pengawal Bekalan.

"Pemeriksaan lanjut ke atas premis mendapati, premis tersebut turut disyaki menyimpan beberapa barang kawalan lain seperti minyak masak dan gas petroleum cecair (LPG) untuk operasi kilang," katanya di

sini semalam.

Menurut Kamalludin, hasil pemeriksaan menemukan cecair yang disyaki minyak diesel dengan anggaran sebanyak 4,850 liter di dalam tangki lori dan di dalam sebuah tong drum, enam tong LPG 50 kilogram (kg) di dalam premis serta 102 botol minyak masak (5kg) dengan nilai sitaan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM92,735.50.

Beliau berkata, siasatan lanjut juga mendapati premis terbabit menjalankan aktiviti membungkus produk dengan menggunakan dua alat timbang yang telah tamat tempoh sah.



**ANGGOTA** penguat kuasa KPDN memeriksa lori tangki dipercayai digunakan untuk menyeleweng diesel di sebuah kilang memproses makanan di Kawasan Perindustrian Menglembu, Ipoh kelmarin.

## Gagal diselup 744kg gula pasir guna 2 kereta

**Tumpat:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merampas 744 kilogram (kg) gula pasir kasar dipercayai cuba diselup ke negara jiran, kelmarin.

Serbuhan dilakukan kira-kira jam 8.30 malam oleh anggota penguat kua-

sa KPDN bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga, Pengkalan Kubor di Pangkalan Haram Aziz di Kampung Simpangan, di sini.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, anggota mengesan dua kereta Proton Wira Aeroback bernombor pendaftaran

tempatan di lokasi terabit.

"Pemeriksaan ke atas dua kereta itu masing-masing memuatkan 432 kilogram (kg) dan 312kg gula pasir kasar yang dianggarkan bernilai RM2,120.40.

"Siasatan awal juga mendapati barang kawalan itu dipercayai akan diselup

ke negara jiran menerusi Sungai Golok," katanya.

Menurutnya, penyelewengan gula pasir kasar semakin meningkat sejak belakangan ini disebabkan permintaan tinggi dari negara jiran berkenaan.

Katanya, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.



SEBANYAK 744kg gula pasir dimuatkan dalam dua kereta yang dirampas di Pangkalan Haram Aziz, Tumpat.

## KPDN Kelantan patahkan cubaan seludup gula, petrol

**TUMPAT** - KPDN Kelantan berjaya mematahkan cubaan menyeludup 744 kilogram (kg) gula dan 100 liter petrol dalam dua serbuan berasingan di sini pada Selasa.

Dalam serbuan pertama pada jam 11 pagi KPDN Kelantan berjaya menahan seorang lelaki berusia 20-an menerusi operasi bersepadu di sebuah stesen minyak di Kepulauan Palekbang di sini.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, suspek ditahan bersama sebuah kereta jenis Proton Saga Iswara.

"Pemeriksaan lanjut yang dilakukan membawa kepada penemuan tangki tambahan yang telah diubah usai.

"Nilai keseluruhan rampasan termasuk 100 liter petrol adalah RM5,205," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Menurut beliau, kes tersebut disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Ujarnya, pada hari yang sama pada jam 8.30 malam sebanyak 432kg gula dirampas di pangkalan haram Kampung Simpangan di sini.

Katanya, sebuah kereta jenis Proton Wira Aeroback dirampas, bagaimanapun suspek telah melarikan diri.

"Nilai keseluruhan rampasan ialah RM8,231.20.

"Bagi kes ketiga melibatkan kejadian sama cuma di lokasi berbeza tetapi pada waktu yang sama di mana suspek juga melarikan diri sebelum pasukan tiba," katanya.

Menurutnya, sebanyak 312kg gula serta sebuah kereta jenis Proton Wira Aeroback telah dirampas oleh pihaknya dengan nilai rampasan RM7,889.20.



Gula yang cuba diseludup ditemui dalam sebuah kereta Proton Wira Aeroback di Kampung Simpangan, Tumpat pada Selasa.

KPDN Perak sita diesel, LPG dan minyak masak lebih RM90,000

Oleh SAIFULLAH AHMAD  
IPOH

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak menyita cecair dipercayai minyak diesel, gas petroleum cecair (LPG) dan minyak masak membabitkan nilai keseluruhan berjumlah RM92,735 menerusi Ops Tiris 3.0 yang dijalankan di Kawasan Perindustrian Menglembu di sini pada Selasa.

Pengarahnya, Datuk Kamalludin Ismail berkata, operasi tersebut dijalankan sepasukan pegawai dan anggota penguat kuasa KPDN Perak kira-kira jam 9 pagi di sebuah kilang memproses makanan dekat kawasan perindustrian tersebut.

Menurutnya, pemantauan dijalankan mendapati premis terbabit disyaki melakukan penyelewengan diesel dengan menggunakan lori tangki pemborong untuk menghantar diesel ke premis yang disyaki tidak mempunyai kebenaran menyimpan barang kawalan.



Katanya, pemeriksaan lanjut dijalankan turut mendapati premis tersebut disyaki menyimpan beberapa barang kawalan lain seperti minyak masak dan LPG untuk operasi kilang.

"Hasil pemeriksaan tersebut menemui cecair yang disyaki minyak diesel dengan anggaran sebanyak 4,850 liter di dalam tangki lori dan di dalam sebuah tong dram.

"Selain itu, sebanyak enam tong LPG dengan berat setiap satu 50 kilogram (kg) serta 102 botol minyak masak 5kg dengan nilai sitaan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM92,735," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Jelasnya, kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (PPKB) 1974 yang membawa hukuman denda tidak lebih RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi individu manakala bagi syarikat boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2 juta jika sabit kesalahan.

## Kegiatan seleweng barang kawalan tumpas



Antara minyak masak botol yang turut dirampas oleh penguat kuasa KPDN dalam serbuan Ops Tiris 3.0 di Kawasan Perindustrian Menglembu, Ipoh pada Selasa.

Tambahnya, pembekal barang kawalan yang terlibat juga akan disiasat dan jika terbukti terlibat akan dikenakan tindakan undang-undang kerana melanggar Peraturan 9(1) PPKB 1974 kerana menjual kepada pihak yang tidak mempunyai kebenaran pengawal.

Kamalludin berkata, siasatan lanjut juga menemui dua alat timbang yang ta-

mat tempoh tentusahnya digunakan di premis berkenaan untuk tujuan membungkus produk kilang tersebut.

Susulan itu katanya, satu lagi tindakan kes diambil di bawah Seksyen 14(6), Akta Timbang dan Sukat 1972 kerana disyaki menggunakan alat timbang untuk tujuan perdagangan yang tamat tempoh tentusahnya.

## 囤積食油

# 官員查學校食堂

(芙蓉17日讯) 最安全的地方，也是最危險的地方？学校食堂竟然成了非法囤积补贴食油的“仓库”。

森美兰国内贸易和生活成本局执法组昨天展开取缔行动，于汝来迪沙珍巴卡一所中学食堂，起获391公斤总价值约977令吉的1公斤包装补贴食油。

### 業者被扣查

局长莫哈末查基尔指出，此次行动共出动4名执法员，被扣查的67岁男子，是一名食堂业者，每天使用补贴食油烹饪，为学生准备餐点。

他表示，这名食堂业者也被初步怀疑涉及非法囤积补贴

食油，并将学校食堂当成“仓库”，抵触1974年统制品法令3

(1) 条文，将在1961年统制品法令21条文下受查。

他说，当局将继续与相关执法机构合作，加强对统制品分销的监管，打击统制品的疏漏和舞弊，以免对国家和人民造成重大损失。

他提醒商家务必遵守统制品条例，任何违例者将受到惩治。

他也促请民众通过多种管道提供情报，包括WhatsApp至019-8488000、手机應用程式Ez ADU KPDN、热线1-800-886-800、线上投诉e-aduan.kpdn.gov.my。

## 8萬8183公司 獲批補貼柴油

（吉隆坡17日讯）国内贸易及生活成本部长拿督阿米占指出，截至7月14日，国内共有8万8183家公司在补贴柴油管制系统（SKDS）下获批柴油补贴。

他说，当中有多达24万9091辆公共交通和货物运输车辆受惠。

阿米占昨日通过书面回覆巫统保佛区国会议员拿督西蒂阿米娜的提问时指出，在补贴柴油管制系统计划下，政府仍承担柴油补贴费用，并以针对性措施为符合资格的车主提供补贴。

他说，政府的目标是每年节省高达40亿令吉。

他补充，补贴柴油管制系统2.0（SKDS 2.0）的范围新增14种交通工具，如今共有33种类型的交通工具在该计划下受惠。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **UMUM**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# BERITA ONLINE BERTARIKH 18 JULAI 2024

| TARIKH | TAJUK                                                                              | PAUTAN                                                                                                                                                                                                                                                                                | MEDIA            |
|--------|------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|
| 18-Jul | KPDN Kelantan patahkan cubaan seludup gula, petrol                                 | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/675489/berita/semasa/kpdn-kelantan-patahkan-cubaan-seludup-gula-petrol#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/675489/berita/semasa/kpdn-kelantan-patahkan-cubaan-seludup-gula-petrol#google_vignette</a>             | SINAR HARIAN     |
| 18-Jul | KPDN Kelantan tahan dua kereta disumbat gula pasir                                 | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1112252/kpdn-kelantan-tahan-dua-kereta-disumbat-gula-pasir">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1112252/kpdn-kelantan-tahan-dua-kereta-disumbat-gula-pasir</a>                                                             | HARIAN METRO     |
| 18-Jul | KPDN Perak sita diesel, minyak masak bernilai lebih RM90,000                       | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/675512/edisi/perak/kpdn-perak-sita-diesel-minyak-masak-bernilai-lebih-rm90000">https://www.sinarharian.com.my/article/675512/edisi/perak/kpdn-perak-sita-diesel-minyak-masak-bernilai-lebih-rm90000</a>                               | SINAR HARIAN     |
| 18-Jul | Kilang proses makanan seleweng 4,850 liter diesel                                  | <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/07/17/kilang-proses-makanan-seleweng-4850-liter-diesel-bersubsidi/">https://www.kosmo.com.my/2024/07/17/kilang-proses-makanan-seleweng-4850-liter-diesel-bersubsidi/</a>                                                                       | KOSMO            |
| 18-Jul | Enforcers seize 4,850l of subsidised diesel from Menglembu food processing factory | <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/07/17/enforcers-seize-4850l-of-subsidised-diesel-from-menglembu-food-processing-factory">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/07/17/enforcers-seize-4850l-of-subsidised-diesel-from-menglembu-food-processing-factory</a> | THE STAR         |
| 18-Jul | Illegally stored gas cylinders seized                                              | <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/07/17/illegally-stored-gas-cylinders-seized">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/07/17/illegally-stored-gas-cylinders-seized</a>                                                                                         | THE STAR         |
| 18-Jul | Kilang rempah guna sijil halal tamat tempoh lapan tahun lalu diserbu               | <a href="https://malaysiagazette.com/2024/07/17/kilang-rempah-guna-sijil-halal-tamat-tempoh-lapan-tahun-lalu-diserbu/">https://malaysiagazette.com/2024/07/17/kilang-rempah-guna-sijil-halal-tamat-tempoh-lapan-tahun-lalu-diserbu/</a>                                               | MALAYSIA GAZETTE |
| 18-Jul | 2,498 rempah ratus guna logo halal tak sah dirampas                                | <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/07/2498-rempah-ratus-guna-logo-halal-tak-sah-dirampas/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/07/2498-rempah-ratus-guna-logo-halal-tak-sah-dirampas/</a>                                                                           | UTUSAN MALAYSIA  |

|        |                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                             |                 |
|--------|---------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|
| 18-Jul | Penang KPDN seizes RM12,490 worth of spices with expired halal cert | <a href="https://thesun.my/local-news/penang-kpdn-seizes-rm12490-worth-of-spices-with-expired-halal-cert-KH12738640">https://thesun.my/local-news/penang-kpdn-seizes-rm12490-worth-of-spices-with-expired-halal-cert-KH12738640</a>         | THE SUN         |
| 18-Jul | Penyeludup lintang-pukang lari tinggalkan gula                      | <a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/07/penyeludup-lintang-pukang-lari-tinggalkan-gula/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/07/penyeludup-lintang-pukang-lari-tinggalkan-gula/</a>                                             | UTUSAN MALAYSIA |
| 18-Jul | KPDN KELANTAN RAM-PAS 744 KG GULA PASIR KASAR                       | <a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2318850">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2318850</a>                                                                                               | BERNAMA         |
| 18-Jul | KPDN Kelantan rampas 744 kg gula pasir kasar                        | <a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kelantan-rampas-744-kg-gula-pasir-kasar/">https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kelantan-rampas-744-kg-gula-pasir-kasar/</a>                                                             | BULETIN TV3     |
| 18-Jul | Kelantan KPDN seizes 744kg of sugar in smuggling attempt in Tumpat  | <a href="https://thesun.my/local-news/kelantan-kpdn-seizes-744kg-of-sugar-in-smuggling-attempt-in-tumpat-HH12738780">https://thesun.my/local-news/kelantan-kpdn-seizes-744kg-of-sugar-in-smuggling-attempt-in-tumpat-HH12738780</a>         | THE SUN         |
| 18-Jul | SIMPAN BARANG KAWALAN TANPA PERMIT, KILANG PROSES MAKANAN DIESERBU  | <a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2318685">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2318685</a>                                                                                                                           | BERNAMA         |
| 18-Jul | Perak KPDN seizes controlled goods at factory premises in Menglembu | <a href="https://thesun.my/cerita/berita/perak-kpdn-seizes-controlled-goods-at-factory-premises-in-menglembu-JH12739022">https://thesun.my/cerita/berita/perak-kpdn-seizes-controlled-goods-at-factory-premises-in-menglembu-JH12739022</a> | THE SUN         |